

# ELAN-FORTE CREAM

Tolnaftate/Chlorhexidine Hydrochloride (10mg/2mg setiap gram)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Elan-Forte Cream
2. Bagaimana Elan-Forte Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Elan-Forte Cream
4. Cara menggunakan Elan-Forte Cream
5. Semasa menggunakan Elan-Forte Cream
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Elan-Forte Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Elan-Forte Cream

Ia digunakan untuk rawatan jangkitan kurap seperti kaki makan air, kurap badan, pangkal paha, kulit kepala dan panau.

## Bagaimana Elan-Forte Cream berfungsi

Elan-Forte Cream mengandungi Tolnaftate sebagai bahan ramuan utama. Ia bertindak sebagai ejen anti kulat dan anti-bakteria. Ia tidak merengsa kulit dan membran mukus, tidak mengotorkan dan mempunyai ketoksikan yang rendah.

## Sebelum mengambil Elan-Forte Cream

### Bila tidak boleh menggunakan

Apabila anda alah terhadap Tolnaftate dan Chlorhexidine Hydrochloride atau bahan-bahan lain..

### Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan Elan-Forte Cream bersama dengan ubat yang lain.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang

ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

## Cara menggunakan Elan-Forte Cream

### -Berapa banyak harus digunakan

Sapukan pada bahagian luka dua kali sehari selama 2 hingga 3 minggu.

### -Bila perlu digunakan

Untuk mendapatkan kesan yang baik, ia perlu disapukan selepas mencuci luka dengan air suam.

### -Berapa lama perlu digunakan

Sapu selama 2 hingga 3 minggu. Jika tiada penamaian atau semakin teruk selepas 4 minggu, rawatan perlu dinilai semula oleh doktor.

### -Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan krim, gunakan secepat mungkin dan teruskan penggunaannya seperti biasa.

### -Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Tiada reaksi toksik yang ketara pada manusia melalui penggunaan pada permukaan kulit.

## Semasa menggunakan Elan-Forte Cream

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan bersentuhan dengan mata anda atau simpan di tempat yang senang dicapai oleh kanak-kanak.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

#### ELAN-FORTE CREAM MENGANDUNGI CHLORHEXIDINE

Beritahu doctor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai alahan terhadap chlorhexidine. Berhenti menggunakan produk ini dan dapatkan bantuan perubatan segera jika anda mengalami ruam, gatal-gatal, bengkak, kesukaran bernafas, pening atau degupan jantung yang cepat.

Krim ini tidak dicadangkan untuk digunakan pada kanak-kanak berumur hingga 2 tahun kecuali penggunaanya dibawah pengawasan doktor.

## Kesan-sesan sampingan

Reaksi kulit termasuk kerengsaan dan kegatalan mungkin berlaku. Reaksi alergi termasuk *anaphylactic shock* sangat jarang tetapi mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### -Penyimpanan

Simpan dalam bekas ketat. Simpan di bawah suhu 30°C dan elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

### -Pelupusan

Mendapat nasihat daripada doktor atau ahli farmasi tentang cara pelupusan.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih.

### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:

Tolnaftate  
Chlorhexidine Hydrochloride

-Bahan tidak aktif:

Methyl Paraben  
Propyl Paraben  
White Petrolatum  
Cetyl Alcohol  
Coconut Oil  
Dimethicone  
Propylene Glycol  
Polysorbate  
Sorbitan Ester  
Rose Fragrance  
Purified Water

### -Nombor MAL

MAL 19940562X

# **ELAN-FORTE CREAM**

Tolnaftate/Chlorhexidine Hydrochloride (10mg/2mg setiap gram)

---

**Pengilang**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.  
Lot 3, 5 & 7, Jalan P/7, Section 13,  
Kawasan Perindustrian Bandar Baru  
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.  
Lot 3, 5 & 7, Jalan P/7, Section 13,  
Kawasan Perindustrian Bandar Baru  
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

14/02/2018

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)130218/00045